

18/07/1998

Memastikan kesucian barang tempatan

HH

MERASMIKAN Ekspo Cintai Malaysia '98 minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kempen beli barangan tempatan bukan satu tindakan pemulauan terhadap produk import. Sebaliknya ia terpaksa dilakukan kerana negara kini tidak mempunyai wang. Oleh kerana kita sedang dalam kegawatan ekonomi, rakyat mesti jimat berbelanja dengan membeli barangan Malaysia kerana dengan cara itu, ringgit akan terus beredar di dalam negara dan tidak mengalir keluar. Sehubungan itu, tegas Perdana Menteri, jika rakyat sayangkan negara ini rakyat mesti tunjukkan dalam cara yang praktikal iaitu membeli barangan buatan tempatan.

Kita percaya sayangkan kepada negara bukan setakat membeli barangan tempatan sahaja malah kita juga mesti membantu memberikan imej dan nama yang baik kepada barangan kita. Dengan cara ini, selepas kita sendiri percaya barangan Malaysia baik, bermutu tinggi dan suci dimakan atau digunakan, selepas itu tidak sukar untuk menembusi dan menguasai pasaran antarabangsa. Malah beberapa negara Islam yang yakin kita mengeluarkan barangan makanan suci, banyak mengimport barangan Malaysia. Ini pasti meningkatkan pendapatan eksport negara..

Malangnya, kita lihat banyak juga tindakan tidak bertanggungjawab dibuat oleh sesetengah pihak menjatuhkan imej barangan Malaysia. Bagi mengelirukan pengguna Islam, taktik yang mereka gunakan ialah mendakwa barangan itu tidak halal dan diperbuat daripada bahan-bahan tidak suci. Ini kerana umat Islam begitu teliti dan berhati-hati dalam soal makanan kerana al-Quran banyak membicarakan soal haram halal makanan yang akan menjadi dagang daging kita.

Apa yang Ketam Batu bangkitkan ini mungkin sesuatu yang sudah ramai ketahui, cuma sehingga ini tidak ada tindakan paling tegas hingga ke akar umbi. Untuk mengurangkan kesangsiannya, ia cuma ditangani oleh pihak berkuasa dengan kenyataan yang bersifat menyedapkan hati, Antara kebiasaannya ialah 'pihak berkuasa akan menyasat', 'jangan mudah percaya dengan khabar angin' dan memberi amaran secara umum bahawa mereka yang terbabit boleh dikenakan tindakan tegas.

Mungkin ramai kalangan kita pernah menerima risalah yang menyenaraikan pelbagai barangan kegunaan harian yang dikatakan diragui dari aspek kesuciannya. Ketam Batu pernah menerima salinan senarai ini beberapa tahun lalu tetapi menganggapnya sebagai surat layang biasa yang cuba menjatuhkan imej barangan tempatan kita. Mungkin ramai yang mempunyai anggapan demikian, lantaran tidak menmgabil endah sangat surat-surat itu. Barangkali disebabkan tiada tindakan diambil dan ramai memandang entang sahaja perkara itu sejak risalah berkenaan mula ia diedarkan, maka hari ini pengedaran surat sudah sampai kepada banyak tangan. Malah secara purata, Ketam Batu menerima antara tiga hingga lima pucuk surat sebegitu setiap minggu disertakan dengan risalah berkenaan daripada pembaca yang ingin mendapatkan kepastian.

Ramai yang musykil dengan senarai itu kerana sehingga ini tidak ada pihak yang babitkan dalam risalah itu tampil menafikan mereka tidak ada kena mengena dengannya. Risalah berkenaan menyebut 29 jenis barangan tempatan yang didakwanya mengandungi najiz mughallazah iitu campuran minyak khinzir selain daripada uri bayi, gelatin dan kandungan alkohol. Antara barangan kegunaan harian itu ialah minyak masak, mi segera dan barangan solek.

Risalah itu mendakwa ia diedarkan oleh Dr Rasheed Mos dari Universiti

Malaya, persatuan pengguna, Majlis Agama Islam Malaysia dan Jabatan Kastam. Risalah itu mendakwakan mengenai kesucian 29 barangan itu dibuat oleh siswa Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Pencetak kepada risalah berkenaan juga dinyatakan iaitu oleh Persatuan Ekonomi Kelab Pengguna dan Badan Dakwah (SAMBS) Salahuddin Abd Aziz Shah, Sabak Bernam, Selangor.

Seperti yang kita sebutkan tadi, perkara ini sudah lama berlaku tetapi kerana ia dipandang remeh, kini semakin ramai yang mendapat risalah itu malah ada yang mungkin percaya secara total.

Beberapa hari lalu, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, dilaporkan berkata penceramah bebas, Kamal Ashaari yang menimbulkan kontroversi kerana mengeluarkan kenyataan berhubung mayat seorang Islam yang bertukar menjadi bangkai khinzir, dalam ceramahnya, diarah membuat kenyataan terbuka melalui televisyen. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu, arahan berkenaan perlu bagi mengelakkan ia terus menimbulkan kekeliruan orang ramai mengenai kenyataan berkenaan. Tindakan itu terpaksa dibuat kerana kisah Kamal itu semakin menjadi buah mulut malah bekas Imam Masjid Shah Alam itu dipanggil membuat perakuan mengenai kenyataannya itu kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Barangkali, pendekatan ini juga boleh digunakan oleh Pusat Islam bagi menagkis pelbagai risalah mengelirukan mengenai barangan makanan yang diragui itu yang kini juga menjadi buah mulut ramai pengguna. Pihak pengurusan dan pentadbiran universiti yang didakwa pelajar mereka terbabit membuat kajian itu wajar dipanggil malah diarahkan tampil menjelaskan apakah benar ada di kalangan siswa siswi mereka terbabit membuat kajian. Malah jika benar wujudnya individu yang didakwa sebagai Dr Rasheed Mos dan persatuan dikenali sebagai SAMBS, mereka juga mesti dipanggil membuat penjelasan. CAP juga perlu mengeluarkan kenyataan sama ada menafikan atau mengesahkan kajian itu kerana persatuan itu turut dikaitkan.

Kita bukan berniat tidak baik atau senjaga mahu membabitkan mereka yang didakwa terbabit dalam risalah itu, tetapi demi kepentingan umat Islam negara ini, kita perlu meletakkan nokta terhadap isu-isu sebegini yang boleh menghakiskan keyakinan ramai terhadap barangan sendiri. Jika benar ada unsur meragukan dalam bahan makanan damn kegunaan harian, ia mesti dibersihkan segera sebagaimana Pusat Islam menagani kes Kamal Asahari. Jika tidak, bukan sahaja kita ada masalah kita menggalakkan rakyat sendiri khususnya umat Islam menggunakan barangan tempatan malah sukar berpeluang memasuki negara Islam lain.

(END)